A

Mahadhir bin Mohamad lwn Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No 1) Jabatan Penjara Malaysia dan lain-lain

B

MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU) — PERMOHONAN BAGI SEMAKAN KEHAKIMAN NO DA-25–2–04 TAHUN 2016
AHMAD BACHE PK
30 APRIL 2017

C

Prosedur Sivil — Semakan kehakiman — Permohonan — Pemohon dikenakan tindakan pembuangan kerja oleh responden-responden — Sama ada penamatan perkhidmatan pemohon bercanggah dengan prinsip undang-undang dan keadilan — Sama ada pemohon diberikan peluang untuk didengar — Sama ada pemohon berhak diberikan hukuman lain — Sama ada terdapat ketidakpatuhan undang-undang atau prosedur oleh responden-responden dalam melaksanakan kewajipan undang-undang — Sama ada tindakan responden-responden betul dan sah

D

E

Undang-Undang Buruh — Pekerjaan — Pembuangan — Pemohon dikenakan tindakan pembuangan kerja oleh responden-responden — Pemohon memfailkan semakan kehakiman terhadap keputusan responden-responden — Sama ada penamatan perkhidmatan pemohon bercanggah dengan prinsip undang-undang dan keadilan — Sama ada pemohon diberikan peluang untuk didengar — Sama ada pemohon berhak diberikan hukuman lain — Sama ada terdapat ketidakpatuhan undang-undang atau prosedur oleh responden-responden dalam melaksanakan kewajipan undang-undang — Sama ada tindakan responden-responden betul dan sah — Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Peraturan 38

F

G

Pemohon merupakan bekas warden penjara gred KX 12 yang bertugas di Pusat Pemulihan Akhlak Machang, Kelantan. Tindakan pembuangan kerja telah dikenakan ke atas pemohon berdasarkan peraturan 38(g) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 ('Peraturan tersebut') oleh Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No 1) Jabatan Penjara Malaysia ('responden pertama') atas kesalahan memiliki tembakau seberat 249.6g. Rayuan yang dibuat oleh pemohon kepada Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia ('responden kedua') ke atas keputusan responden pertama telah ditolak dan hukuman buang kerja telah disahkan. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, pemohon telah memfailkan semakan kehakiman ini. Alasan-alasan yang dikemukakan oleh pemohon untuk penentuan mahkamah adalah: (a) keputusan penamatan perkhidmatan pemohon adalah bercanggah dengan

H

I

prinsip undang-undang dan keadilan serta tidak adil kerana tiada peluang untuk didengar diberikan kepada pemohon; (b) responden pertama gagal mengambil kira dan menilai dengan pertimbangan yang adil rayuan yang dibuat oleh pemohon untuk mendapatkan hukuman tatatertib yang lebih ringan selain hukuman buang kerja; dan (c) keputusan responden pertama memilih hukuman yang paling berat iaitu hukuman buang kerja ke atas pemohon yang menjalankan kuasa di bawah peraturan 38 Peraturan tersebut adalah keterlaluan dan menafikan hak pemohon untuk mendapatkan hukuman pilihan yang lebih ringan, wajar dan berpatutan.

Diputuskan, menolak permohonan dengan kos sebanyak RM3,000:

(1) Pemohon di dalam kes ini tidak dinafikan hak untuk didengar. Pemohon sendiri yang memilih untuk tidak memberikan apa-apa keterangan. Pemohon daripada awal lagi telah membuat pengakuan salah dan terus konsisten dalam pengakuan salahnya tersebut (lihat perenggan 25).

(2) Tidak ada apa-apa dalam Peraturan tersebut yang memperuntukkan bahawa pemohon berhak diberi peluang untuk hukuman lain selain daripada hukuman buang kerja walaupun tindakan tatatertib tersebut merupakan tindakan tatatertib pertama bagi pemohon. Oleh itu, budi bicara tersebut merupakan budi bicara muktamad yang terletak dalam bidang kuasa pihak berkuasa tatatertib dalam kes semasa, dan keputusan tersebut tidak boleh dirayu di mahkamah melainkan jika pemohon boleh membuktikan bahawa tindakan pembuangan kerja tersebut mempunyai unsur-unsur mala fide. Walau bagaimanapun, pemohon tidak pernah menimbulkan isu mala fide dan berdasarkan keterangan, mahkamah mendapati tiada apa-apa elemen mala fide terhadap pemohon (lihat perenggan 27–28 & 32).

(3) Berdasarkan dapatan-dapatan di atas, responden telah bertindak di dalam bidang kuasa dan mengikut undang-undang dalam isu pemecatan pemohon. Tidak ada apa-apa ketidakpatuhan undang-undang (*illegality*) atau ketidakpatuhan prosedur (*procedural impropriety*) oleh responden-responden di dalam menjalankan dan melaksanakan kewajipan undang-undang (*statutory duties*) di bawah Peraturan tersebut (lihat perenggan 33).

(4) Dalam permohonan untuk semakan kehakiman, Mahkamah Tinggi tidak bersidang dalam bidang kuasa rayuan tetapi dalam bidang kuasa penyeliaan sahaja. Bidang kuasa Mahkamah Tinggi terhad kepada menyemak cara keputusan itu dibuat dan mahkamah tidak berhak untuk menimbangkan sama ada keputusan itu sendiri, atas merit dalam fakta kes, adalah berpatutan dan munasabah. Mahkamah tidak perlu membuat apa-apa semakan terhadap hukuman buang kerja yang dikenakan terhadap pemohon memandangkan mahkamah telah berpuas hati bahawa prosedur tatatertib yang diambil adalah mengikut

peruntukan undang-undang. Oleh itu, tindakan responden yang menamatkan perkhidmatan pemohon adalah betul dan sah (lihat perenggan 36 & 39–40).

[English summary

The applicant was a former prison guard grade KX 12 who served at the Machang Moral Rehabilitation Center, Kelantan. The act of dismissal was imposed on the applicant under reg 38(g) of the Public Officers Regulations (Conduct and Discipline) 1993 ('the Regulations') by the Supporting Discipline Board (No 1) of the Prisons Department of Malaysia ('the first respondent') for the offence of having in his possession 249.6g of tobacco. An appeal lodged by the applicant to the Public Service Disciplinary Appeal Board of Malaysia ('the second respondent') on the decision of the first respondent was dismissed and the penalty for dismissal was confirmed. Dissatisfied with the said decision, the applicant filed this judicial review. The reasons submitted by the applicant for the court's determination were: (a) the decision of termination of the applicant's services was contrary to the principles of law and justice and was unfair as there was no opportunity to be heard given to the applicant; (b) the first respondent failed to take into account and evaluate with fair consideration of appeals made by the applicant for a lenient disciplinary punishment other than a punishment of dismissal; and (c) the decision of the first respondent to choose the most severe penalty, ie the punishment of dismissal on the applicant in the exercise of power under reg 38 of the Regulations was excessive and denied the applicant's right to obtain a lighter, proper and reasonable penalty.

Held, dismissing application with costs of RM3,000:

(1) The applicant in this case was not denied the right to be heard. It was the applicant himself who chose not to give any information. From the outset, the applicant made false confession and continued to be consistent in his false confession (see para 25).

(2) There was nothing in the Regulations which provides that the applicant was entitled to be given an opportunity for a punishment other than a punitive dismissal even if such disciplinary action was the first disciplinary action of the applicant. Therefore, the discretion was the ultimate discretion well-within the jurisdiction of the disciplinary authority in the current case, and such decision shall not be appealed in court unless the applicant may prove that the act of dismissal had mala fide elements. However, the applicant had never raised a mala fide issue and based on evidence, the court found no mala fide element against the applicant (see paras 27–28 & 32).

(3) Based on the above findings, the respondents acted within their jurisdiction and in accordance with the law on the issue of dismissal of

the applicant. There was no illegality of procedural impropriety by the respondents in carrying out and implementing their statutory duties under such Regulations (see para 33).

(4) In the application for judicial review, the High Court was not convened in its appellate jurisdiction but supervisory jurisdiction only. The High Court's jurisdiction was limited to reviewing the manner in which the decision was made and the court had no right to consider whether the decision itself, on the merit of the facts of the case, was reasonable. The court did not have to make any review of the punitive damages imposed on the applicant as the court had satisfied that the disciplinary procedure taken was in accordance with the provisions of the law. Therefore, respondents' actions in terminating the applicant's service were correct and valid (see paras 36 & 39–40).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pembuangan, lihat 8(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 1178–1258.

Untuk kes-kes mengenai permohonan semakan kehakiman, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 5937–5949.

Kes-kes yang dirujuk

Harpers Trading (M) Sdn Bhd v National Union of Commercial Workers [1991] 1 MLJ 417, MA (dirujuk)

Kerajaan Malaysia & Ors v Tay Chai Huat [2012] 3 MLJ 149; [2012] 3 CLJ 577, MP (dirujuk)

Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Hospital Besar Pulau Pinang & Anor v Utra Badi a/l K Perumal [2001] 2 MLJ 417; [2001] 2 CLJ 525, MP (dirujuk)

Micheal Lee Fook Wah v Menteri Sumber Tenaga Manusia Malaysia & Anor [1998] 1 MLJ 305, MR (dirujuk)

Public Services Commission Malaysia & Anor v Vickneswary a/p RM Santhivelu (substituting M Senthivelu a/l R Marimuthu, deceased) [2008] 6 MLJ 1; [2008] 6 CLJ 573, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 53 k 3(2)

Peraturan Penjara 2000

Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 peraturan 4(2), (2)(d), (2)(f), (2)(g), (2)(i), 35(1), 37, 38, 38(g)

Mohd Rafizi bin Abdullah (Rafizi Zubairi & Co) bagi pihak pemohon.

Nurliyana bt Md Zukri (Peguam Persekutuan, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden-responden.

Ahmad Bache PK:

LATAR BELAKANG

[1] Pihak pemohon melalui permohonan untuk semakan kehakiman telah memohon kepada mahkamah suatu perintah certiorari bagi membatalkan dan mengenepikan keputusan penamatan perkhidmatan yang dibuat oleh responden-responden yang berkuatkuasa pada 7 Julai 2014. Pemohon memohon relif-relif sebagaimana berikut:

(a) satu deklarasi bahawa penamatan perkhidmatan pemohon oleh responden-responden merupakan satu penamatan yang tidak sah;

(b) pemohon diambil semula untuk bekerja tanpa apa-apa kehilangan dari segi jawatan dan kekananan dalam perkhidmatan tersebut dan segala tunggakan gaji dan elaun pemohon dibayar *atau* pemohon di ambil semula bekerja dengan diberikan pilihan hukuman yang lebih ringan selain hukuman buang kerja; dan

(c) kos permohonan ini.

[2] Mahkamah ini pada 16 Februari 2017 telah menolak permohonan semakan kehakiman pemohon dengan kos sebanyak RM3,000. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, pihak pemohon telah memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan melalui notis rayuan bertarikh 28 Februari 2017.

[3] Ini merupakan alasan kepada keputusan itu.

FAKTA KES

[4] Pemohon merupakan bekas warden penjara gred KX 12 yang sebelum ini bertugas di Pusat Pemulihan Akhlak Machang, Kelantan. Pada 4 Disember 2013, pemohon telah menjalani pemeriksaan khas lucut pakaian bertempat di bilik timbalan penguasa bertugas. Hasil pemeriksaan tersebut, terdapat tiga bungkus artikel terlarang iaitu tembakau seberat 249.6g yang dijumpai di bahagian poket belakang seluar, di dalam stokin sebelah kiri dan di dalam stokin sebelah kanan pemohon. Ini merupakan satu kesalahan yang melanggar Peraturan Penjara 2000.

[5] Pada 7 Mac 2014, pemohon menerima surat daripada responden pertama mengandungi pertuduhan, pemakluman tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat di bawah peraturan 37 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

[6] Pemohon dikatakan melakukan perbuatan tidak bertanggungjawab dan ingkar perintah iaitu melanggar tatakelakuan di bawah peraturan 4(2)(d), (f),

(g) dan (i) Peraturan yang sama dan diminta untuk membuat representasi secara bertulis untuk menjelaskan sebab mengapa pemohon perlu dibebaskan daripada pertuduhan.

[7] Pemohon telah menjawab pertuduhan tersebut dan menghantar surat representasi bertarikh 17 Mac 2014 kepada responden pertama dengan mengaku salah dan sanggup dikenakan apa jua hukuman selain dari buang kerja.

[8] Responden pertama, melalui surat bertarikh 8 Ogos 2014 memaklumkan kepada pemohon bahawa pemohon telah dibuang kerja berkuatkuasa 7 Julai 2014 mengikut peraturan 38(g) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Pemohon diberi peluang untuk membuat representasi kepada responden kedua dalam tempoh 14 hari.

[9] Pemohon kemudiannya telah membuat representasi kepada pihak responden kedua melalui surat bertarikh 20 Ogos 2014 agar hukuman dibuang kerja dipertimbangkan semula.

[10] Responden kedua melalui surat bertarikh 26 January 2015 memaklumkan bahawa rayuan pemohon ditolak dan hukuman buang kerja disahkan. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, pemohon memfailkan semakan kehakiman ini dengan alasan sebagaimana berikut:

(a) keputusan yang dibuat untuk menamatkan perkhidmatan pemohon adalah bercanggah dengan prinsip undang-undang dan keadilan serta tidak adil kerana tiada peluang untuk didengar diberikan;

(b) responden pertama gagal mengambil kira dan menilai dengan pertimbangan yang adil rayuan yang dibuat oleh pemohon untuk mendapatkan hukuman tatatertib yang lebih ringan selain hukuman buang kerja; dan

(c) keputusan responden pertama memilih hukuman yang paling berat sekali iaitu hukuman buang kerja ke atas pemohon yang menjalankan kuasa di bawah peraturan 38 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 adalah keterlaluan dan menafikan hak pemohon untuk mendapatkan hukuman pilihan yang lebih ringan, wajar dan berpatutan.

[11] Pihak responden menyatakan bahawa prosedur penamatan perkhidmatan pemohon adalah sah, teratur dan mengikut peraturan 37 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Oleh yang demikian, keputusan responden-responden menamatkan perkhidmatan pemohon tidak boleh dicabar dan dipersoal memandangkan prosidur

tatatertib yang telah dilaksanakan terhadap pemohon adalah teratur dan tiada unsur 'mala fide'.

PENGANALISAAN DAN DAPATAN MAHKAMAH

[12] Bagi membantu mahkamah di dalam mendengar permohonan semakan kehakiman ini, mahkamah telah merujuk kepada dokumen-dokumen berikut:

(a) permohonan kebenaran bagi semakan kehakiman bertarikh 18 April 2016;

(b) keterangan fakta menurut A 53 k 3(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012;

(c) afidavit sokongan yang diikrarkan oleh pemohon pada 13 April 2016;

(d) notis pendengaran permohonan bagi semakan kehakiman;

(e) afidavit jawapan responden-responden (No 1);

(f) afidavit jawapan responden-responden (No 2) yang diikrarkan oleh Timbalan Komisioner Penjara Muhammad Zuki bin Muhammad Zain pada 18 Oktober 2016;

(g) afidavit jawapan responden-responden (No 3) yang diikrarkan oleh Ketua Jabatan Penjara ('KJP') Dato' Sri Hj Zulkifli bin Omar pada 1 November 2016; dan

(h) afidavit jawapan oleh Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No 2), Jabatan Penjara Malaysia bernama Tn Mohd Nazri bin Mohamad.

[13] Pemohon menyatakan kesnya tidak dipanggil untuk dibicarakan di hadapan responden pertama. pemohon hanya dipanggil semasa siasatan awal berkenaan aduan yang dibuat keatas pemohon tetapi tidak pernah dipanggil untuk menghadiri sesi bicara atau hadir pada sesi siasatan yang selanjutnya bagi menjawab pertuduhan kes ke atas pemohon. Oleh yang demikian, pemohon telah dinafikan hak untuk didengar.

[14] Pemohon menegaskan bahawa dia telah bertindak mengaku bersalah kerana pada masa itu beliau tidak tahu kesan dan akibat pengakuan bersalahnya yang membolehkan hukuman diberhentikan pekerjaan/dibuang kerja dikenakan. Hukuman buang kerja ini merupakan satu hukuman yang berat. Pihak responden sewajarnya memberikan hukuman lain selain daripada buang kerja berdasarkan mitigasi dan representasi yang telah dibuat oleh pihak pemohon.

[15] Di dalam kes ini, setelah pemeriksaan fizikal terhadap pemohon dibuat

dan bungkusan tembakau tersebut dijumpai, satu memo telah dikeluarkan pada 4 Disember 2013 oleh Ketua jabatan pemohon merangkap Pengarah Pusat Pemulihan Akhlak Machang iaitu PKK Muhammad Zuki bin Muhammad Zain bagi tujuan penubuhan lembaga siasatan bagi menjalankan siasatan kes terhadap pemohon. Mohd Nazri bin Muhammad kemudiannya dilantik sebagai pengerusi lembaga siasatan.

[16] Hasil siasatan lembaga penyiasatan mendapati bahawa, artikel larangan yang dirampas telah ditemui tersembunyi dalam milikan fizikal pemohon semasa pemeriksaan dan tangkapan dibuat. Berdasarkan temubual lembaga penyiasatan dengan anggota-anggota pemeriksaan, pemohon dan banduan terlibat, telah terbukti bahawa kesalahan tersebut benar-benar dilakukan oleh pemohon.

[17] Berdasarkan hasil siasatan Lembaga Penyiasatan tersebut, ketua jabatan pemohon dan Pengerusi Pihak Berkuasa Tatatertib Kumpulan Sokongan (No 2) Jabatan Penjara Malaysia, telah memutuskan bahawa pelanggaran tatatertib oleh pemohon adalah dari jenis yang patut dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat mengikut peraturan 37 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

[18] Oleh yang demikian, satu laporan mengenai tatakelakuan berkenaan pemohon oleh ketua jabatan pemohon dan Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No 2) bersama-sama lampiran kertas untuk pertimbangan pengerusi lembaga tatatertib di bawah peraturan 35(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan borang penentuan oleh pengerusi lembaga tatatertib di bawah peraturan 35(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, bertarikh 1 Januari 2014 telah dikemukakan kepada pihak Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No 1) Jabatan Penjara Malaysia.

[19] Pihak responden telah mengeluarkan satu surat bertarikh 4 Mac 2014 kepada pemohon, yang menyatakan bahawa pemohon patut dikenakan tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat di bawah peraturan 37 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, atas pertuduhan yang dikenakan ke atas pemohon.

[20] Pihak pemohon berhujah bahawa terdapat ketidakadilan yang nyata apabila ketua jabatan pemohon iaitu Muhammad Zuki bin Muhammad Zain turut terlibat dengan penyiasatan dalaman terhadap pemohon apabila beliau telah mengarahkan lembaga siasatan ditubuhkan dengan melantik Mohd Nazri bin Mohamad iaitu timbalan penguasa penjara sebagai pengerusi lembaga siasatan bagi menyiasat aduan yang melibatkan pemohon tersebut.

[21] Mahkamah walau bagaimanapun tidak bersetuju dengan dakwaan pemohon tersebut. Ini kerana setiap ketua jabatan mempunyai peranan yang penting dalam prosidur tatatertib terutamanya di peringkat awal. Adalah menjadi tugas ketua jabatan untuk menyiasat setiap dakwaan kes tatatertib sebelum prosidur tatatertib dilaksanakan.

[22] Di dalam kes ini, perkara yang penting ialah surat bertarikh 4 Mac 2014 yang dikeluarkan oleh pihak responden pertama yang mengandungi pertuduhan terhadap pemohon. Pemohon telah diberikan hak untuk memperjelaskan versi pihak pemohon apabila diminta untuk membuat representasi kepada responden pertama. Namun begitu pemohon tidak memberikan apa-apa penyataan pembelaan dan permohonan untuk dibicarakan secara lisan/mahukan pelantikan jawatankuasa siasatan. Pemohon juga tidak pernah pada bila-bila masa menimbulkan isu ketidakpuasan hati berkenaan siasatan dalaman yang dibuat oleh pihak lembaga siasatan jabatan tempat pemohon bertugas.

[23] Pemohon di dalam kedua-dua representasi yang dikemukakan terhadap responden-responden, tidak pernah menafikan dakwaan ke atasnya malah mengakui kesalahan yang dilakukan dan hanya membuat representasi untuk peringanan hukuman berdasarkan alasan kesihatan keluarga pemohon dan kedudukan kewangan dan ekonomi pemohon.

[24] Di dalam kes *Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Hospital Besar Pulau Pinang & Anor v Utra Badi a/l K Perumal* [2001] 2 MLJ 417; [2001] 2 CLJ 525 YAA Tun Arifin Zakaria menjelaskan:

> (1) Rayuan tersebut seharusnya dibenarkan atas alasan terhad bahawa tidak ada permintaan daripada responden untuk pelantikan Jawatankuasa Siasatan di bawah Perintah Am 26(5) Perintah-Perintah Am 1980. Oleh yang demikian, lembaga tatatertib tidak wajar dipersalahkan bagi kegagalan berbuat demikian.
>
> (2) Responden tidak pada mana-mana peringkat. memohon untuk pendegaran lisan atau apa-apa dokumen diberikan kepadanya. Oleh itu, dia tidak boleh mengadu bahawa hak tersebut tidak diberikan kepadanya. Adalah untuk dia sendiri meminta untuk pendengaran lisan atau apa-apa dokumen yang difikirkannya boleh membantunya untuk menyediakan iawapan bagi pertuduhan-pertuduhan terhadapnya.

[25] Mahkamah setelah meneliti hujahan kedua-dua pihak dan juga kertas-kertas kausa, mahkamah mendapati bahawa pemohon di dalam kes ini tidak dinafikan hak untuk didengar. Pemohon sendiri yang memilih untuk tidak memberi sebarang keterangan. Pemohon daripada awal lagi telah membuat pengakuan salah dan terus konsisten dalam pengakuan salahnya tersebut. Alasan pemohon bahawa dia tidak tahu kesan pengakuan salahnya boleh mengakibatkan dia dibuang kerja tidak dapat diterima. Ini kerana

A sebagai penjawat awam sepatutnya pemohon tahu bahawa salah satu hukuman tatatertib yang boleh dikenakan terhadap penjawat awam ialah dibuang kerja. Pemilihan hukuman yang boleh dikenakan terhadap satu kesalahan tatatertib merupakan satu budi bicara bergantung kepada fakta sesuatu kes, dan keadaan sekeliling.

B

[26] Pemohon telah didapati bersalah kerana melanggar peraturan 4(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Pindaan 2002), dan telah dikenakan hukuman sebagaimana yang dibolehkan di bawah peraturan 38 Peraturan yang sama. Malah peraturan 38 Peraturan yang sama
C turut membolehkan mana-mana gabungan dua hukuman atau lebih termasuklah salah satu daripadanya adalah hukuman sebagaimana yang dikenakan ke atas pemohon, yakni perenggan (g) iaitu buang kerja.

D **[27]** Mahkamah juga telah memilih Peraturan-Peraturan tersebut dan mendapati bahawa tidak ada apa-apa dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Pindaan 2002) yang memperuntukkan bahawa pemohon berhak diberi peluang untuk hukuman lain selain daripada hukuman buang kerja walaupun tindakan tatatertib ini
E merupakan tindakan tatatertib pertama bagi pemohon. Oleh yang demikian, budi bicara ini merupakan budi bicara muktamad yang terletak dalam bidangkuasa pihak berkuasa tatatertib dalam kes semasa, dan keputusan ini tidak boleh dirayu di mahkamah melainkan jika pihak pemohon boleh membuktikan bahawa pembuangan kerja mempunvai unsur-unsur mala fide.

F

[28] Pihak pemohon pula walau bagaimanapun tidak pernah menimbulkan isu mala fide di dalam kesnya samada di peringkat laporan awal hinggalah prosidur tatatertib dijalankan.

G

[29] Malahan mengikut afidavit yang diikrarkan oleh En Nazri bin Mohamad, Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan 2, beliau menyatakan di perenggan 10 seperti berikut:

> 10. Perenggan 7 Afidavit Sokongan Pemohon adalah dinafikan berdasarkan siasatan
H pihak kami YANG MENDAPATI Pemohon merupakan salah seorang anggota yang termasuk dalam senarai hitam Institusi (No. Fail LMAF MCG (S) ½) yang menyatakan bahawa Pemohon telah beberapa kali diberi teguran dan amaran terhadap kelakuan Pemohon namun Pemohon masih tidak menunjukkan perubahan untuk memperbaiki diri.

I

[30] Saksi ini juga berikrar sepertimana di dalam ekshibit bertanda NMN4 seperti berikut:

> 5.4. Hasil siasatan mendapati WP 10557 Mahadhir bin Mohamad merupakan

salah seorang anggota yang termasuk dalam senarai hitam Institusi (No Fail LMAF MCG (S) 1/2).

5. Pihak Lembaga berpendapat bahawa WP 10557 Mahamdhir bin Mohamad telah dengan sengaja dan dengan niat menyeludup artikel larangan tersebut untuk diberikan kepada orang tahanan DMT 4/2012 Zainori bin Mustapha dengan mendapat fi yang telah ditetapkan dan dipersetujui bersama.

[31] Mahkamah juga ingin merujuk kepada rakaman percakapan pemohon yang diekshibitkan oleh saksi ini yang ditandakan sebagai 'NMN5' yang mana pemohon telah mengaku beberapa fakta seperti sedutan berikut:

S: Adakah tembakau tersebut kepunyaan anda?

J: Ya kepunyaan saya

S: Tujuan apa anda membawa masuk tembakau tersebut ke dalam penjara?

J: Untuk diberikan kepada tahanan yang bekerja di Kantin dalam Penjara

S: Siapa tahanan yang anda maksudkan itu?

J: Nama sebenar saya tidak tahu tetapi kawan-kawannya memanggil dengan nama Solah

S: Tembakau tersebut diberikan kepada tahanan 'Solah' dengan bayaran atau sebaliknya?

J: Ya dengan bayaran.

S: Berapa bayaran yang dibuat oleh tahanan tersebut kepada anda?

J: Mengikut yang dijanjikan sebanyak RM500

S: Bermakna bayaran belum diberikan kepada anda?

J: Ya

S: Bila bayaran akan diberikan kepada anda?

J: Mengikut perjanjian selepas tembakau diterima oleh tanahan 'Solah'.

S: Mengikut perjanjian bagaimana cara bayaran akan dibuat?

J: Bayaran melalui akaun Bank Rakyat oleh adik 'Solah' kepada saya selepas tembakau diterima olehnya.

S: Adakah anda sedar perbuatan berurusniaga dengan tahanan dan menyeludup ke dalam penjara merupakan kesalahan dan sekiranya terbukti kesalahan anda boleh dikenakan tindakan tatatertib?

J: Ya sedar

S: Jika sedar kenapa anda tetap melakukannya?

J: Sebenarnya saya terdesak dengan masalah kewangan, masalah hutang ditambah dengan isteri saya yang selalu sakit.

S: Adakah anda tahu anda sebenarnya menjadi perhatian Institusi kerana mengikut maklumat risikan sering terlibat dengan penyeludupan?

J: Saya tidak tahu

S: Adakah anda pernah dipanggil oleh mana-mana pihak sebelum ini?

J: Pada tahun lepas saya telah dipanggil oleh Bahagian Keselamatan IPPM bertempat di Penjara Marang.

S: Apa yang dimaklumkan kepada anda semasa pertemuan tersebut?

J: Saya dimaklumkan bahawa saya salah seorang anggota yang sering terlibat dengan penyeludupan.

[32] Dengan keterangan-keterangan ini mahkamah sendiri berpuas hati bahawa tidak ada apa-apa elemen mala fide atau penganiayaan yang wujud di pihak responden-responden terhadap pemohon.

[33] Penelitian mahkamah mendapati bahawa pihak responden-responden telah bertindak di dalam bidang kuasa dan mengikut undang-undang dalam isu pemecatan pemohon ini. Tidak terdapat apa-apa ketidakpatuhan undang-undang (*illegality*) atau ketidakpatuhan prosedur (*procedural impropriety*) oleh responden-responden di dalam menjalankan dan melaksanakan kewajipan undang-undang (*statutory duties*) di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Pindaan 2002).

PENDEKATAN MAHKAMAH

[34] Prinsip-prinsip bagi pendekatan oleh mahkamah apabila menyemak semula keputusan pihak berkuasa tatatertib, termasuk prosedur tatatertib telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Kerajaan Malaysia & Ors v Tay Chai Huat* [2012] 3 MLJ 149; [2012] 3 CLJ 577. Di dalam kes tersebut, mahkamah telah mengguna pakai doktrine stare decisis apabila mengikat keputusan mahkamah dengan ratio decidendi kes Mahkamah Persekutuan *Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam Hospital Besar Pulau Pinang & Anor v Utra Badi a/l K Perumal* [2001] 2 MLJ 417; [2001] 2 CLJ 525 dan *Public Services Commission Malaysia & Anor v Vickneswary a/p RM Santhivelu (substituting M Senthivelu a/l R Marimuthu, deceased)* [2008] 6 MLJ 1; [2008] 6 CLJ 573 di ms 165–166 (MLJ); ms 597–601 (CLJ) yang mana YA Hakim telah mengatakan:

> [36] The courts have very limited review powers over administrative determinations of public bodies and are constrained to confirm the findings in disciplinary hearings. The courts will only intervene in disciplinary cases where there was a fundamental procedural flaw The court cannot exceed its role in cases of this genre as the instant appeal, The courts cannot interfere merely because it may come to different conclusions on facts on the same basis of the same evidence, weighing and assessing the evidence is the function of the disciplinary authority which is the body to which the legislature has entrusted the responsibility of deciding the issue, and not the courts. Hence, the court should approach cases of this genre as the instant appeal in the following way, namely, whether there has been an error in the process or whether there was procedural irregularity in the decision making proceedings leading to the public officer's dismissal.

[35] Pihak pemohon menghujahkan bahawa pihak responden-responden telah memilih hukuman yang paling berat iaitu buang kerja berbanding hukuman-hukuman lain bagi kesalahan tatatertib. Ini merupakan satu keputusan yang tidak adil terhadap pemohon kerana pihak responden-responden tidak memberi ruang dan menilai keseluruhan kes pemohon iaitu pemohon telah pun secara jujur mengaku salah dan terus meminta simpati serta rayuan supaya diterima bekerja semula.

[36] Dalam permohonan untuk semakan kehakiman, Mahkamah Tinggi tidak bersidang dalam bidang kuasa rayuan tetapi dalam bidang kuasa penyeliaan sahaja. Bidang kuasa Mahkamah Tinggi terhad kepada menyemak cara keputusan itu dibuat dan mahkamah tidak berhak untuk menimbangkan sama ada keputusan itu sendiri, atas merit dalam fakta kes, adalah berpatutan dan munasabah.

[37] Prinsip asas semakan kehakiman ini telah diputuskan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Harpers Trading (M) Sdn Bhd v National Union of Commercial Workers* [1991] 1 MLJ 417:

> Judicial review is not an appeal from a decision but a review on the manner in which the decision was made and the High Court is not entitled on an application for judicial review to consider the decision itself, on the merits of the facts, was fair and reasonable.

[38] Di dalam kes *Micheal Lee Fook Wah v Menteri Sumber Tenaga Manusia Malaysia & Anor* [1998] 1 MLJ 305 YA Hakim Shaik Daud memutuskan:

> First and foremost, it must be emphasised that in an application for certiorari, the High Court is not sitting in its appellate jurisdiction but in its supervisory jurisdiction. The court is more concerned with the decision making process and not the decision itself. The court should not readily question the administrative decision of the first respondent, as that is his absolute discretion. lf the first respondent had acted ultra vires, unfairly or unjustly in exercising his discretion, then it is the duty of the courts to interfere in an application for review of that decision. The

A underlying principle of judicial review, has been stated in a number of cases, and it is the exercise by those with whom discretionary power is vested, not in the courts, that the courts are required to review.

B **[39]** Mahkamah di dalam kes ini tidak perlu membuat sebarang semakan terhadap hukuman buang kerja yang dikenakan terhadap pemohon memandangkan mahkamah berpuas hati bahawa prosidur tatatertib yang diambil adalah mengikut peruntukan undang-undang.

PENUTUP

C

[40] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang dinyatakan di atas mahkamah memutuskan bahawa tindakan pihak responden-responden yang menamatkan perkhidmatan pihak pemohon berkuatkuasa pada 7 Julai 2014 adalah betul dan sah. Oleh sebab itu, permohonan semakan kehakiman ini ditolak dengan
D kos.

Permohonan ditolak dengan kos sebanyak RM3,000.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar

E

F

G

H

I